



Hukum Menggugurkan Kandungan

Haram menggugurkan janin di dalam kandungan kecuali atas sebab-sebab kecacatan teruk yang boleh membahayakan nyawa ibu atas nasihat doktor.

(Mesyuarat Lembaga Fatwa Sarawak Kali Ke-18)

Imbas kod QR ini untuk penerangan lanjut:



<https://muftinegeri.sarawak.gov.my> +60 82-507500

Hukum Menggugurkan Kandungan

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-18 telah memutuskan bahawa:

Makruh menggugurkan janin yang berumur antara 1 hingga 40 hari sekiranya tidak mendatangkan bahaya pada ibu dan mendapat persetujuan kedua-dua suami isteri;

Pengguguran janin yang berumur sebelum 120 hari adalah harus sekiranya janin itu cacat atau berpenyakit yang boleh membahayakan nyawa ibu; dan

Pengguguran janin yang telah berumur 120 hari atau lebih adalah haram kerana pengguguran itu dianggap satu jenayah ke atas janin yang telah ditiupkan roh kecuali pengguguran itu untuk menyelamatkan nyawa ibu atas sebab kecacatan yang teruk.

Pengguguran Anak Menurut Islam

Fuqaha' membahagikan peringkat pembesaran anak ataupun janin yang digugurkan berdasarkan kepada umurnya. Ada tiga peringkat yang akan dilalui oleh setiap janin di dalam proses pembesarannya iaitu:

(a) Peringkat sebelum berbentuk (*nutfah*)

Menurut doktor, peringkat sebelum berbentuk ialah peringkat dari hari 1 hingga hari 40 hari seseorang itu mengandung. Melakukan pengguguran anak di peringkat ini menurut pendapat terbanyak di kalangan fuqaha' hukumnya makruh "*Karahah Tanzih*" dan disertakan dengan tiga syarat iaitu :

- i. Persetujuan daripada kedua suami isteri.
- ii. Tidak mendatangkan bahaya.
- iii. Kenyataan daripada 2 orang doktor yang adil.

(b) Peringkat sesudah berbentuk (*mudghah*)

Peringkat ini bermula pada hari 40 hingga 4 bulan dan merupakan satu tahap di dalam perkembangan bayi di mana sudah nyata bentuk-bentuk awalan anggota bagi seorang manusia. Melakukan pengguguran di peringkat ini hukumnya hampir kepada haram (makruh yang amat dilarang) kerana bayi itu belum lagi hidup dan kalau dilakukan bukan dianggap jenayah. Namun begitu, larangan ini akan menjadi berat sekiranya meningkat umur janin itu.

Walau bagaimanapun, diharuskan bagi seorang doktor melakukan pengguguran bagi tujuan mengelakkan daripada bahaya yang akan menimpa diri si ibu dengan syarat mendapat kenyataan bertulis daripada doktor pakar.

(c) Peringkat sesudah ditiupkan roh ataupun nyawa

Melakukan pengguguran di peringkat ini hukumnya adalah haram dan tidak ada khilaf ulama' lagi, kerana pengguguran pada masa ini telah dianggap sebagai satu jenayah terhadap bayi atau janin yang telah sempurna hidupnya dan diwajibkan membayar diyat


Walau bagaimanapun, harus menggugurkan janin sekiranya untuk menyelamatkan nyawa si ibu dan atas nasihat doktor yang pakar dan adil bahawa sudah tidak ada jalan lain lagi kecuali menggugurkan kandungan. Ini berdasarkan kaedah di dalam ilmu fiqh "*Irtikab Akhaffu al-Dhararain*" iaitu memilih mana yang lebih ringan

kemudaratannya kerana mengelak bahaya yang berat, tanpa diambil kira tentang peringkat umur janin itu.

Dari huraian ringkas di atas sekalipun ada pendapat ulama fiqh yang membolehkan pengguguran janin sebelum bernyawa tetapi ini tidaklah bermakna Islam menggalakkan perbuatan tersebut kerana jika sekiranya perbuatan ini digalakkan sudah tentu perbuatan menggugurkan janin ini akan berleluasa tanpa apa-apa sebab yang munasabah. Berlawanan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan; Kamilah Yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan yang besar"

(Surah al-Isra':31)



جَابِرٌ مُفْتِي سَارَوَك

JABATAN MUFTI SARAWAK